



Anwar beramah mesra dengan pelajar IPTA pada Karnival FLYSiswa 2024 di UiTM Shah Alam, semalam.

(Foto Ahmad Ukasyah/BH)

Isu Titah Adendum

# 'Pihak macam saya dangkal ilmu'

Anwar sifatkan mereka tidak dapat maklumat tepat, tetapi cuba ulas

Oleh Essa Abu Yamin  
essabuyamin@bh.com.my

**Shah Alam:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan pihak yang mengecam beliau berhubung isu Titah Adendum terhadap bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak sebagai dangkal ilmu.

Perdana Menteri berkata, ia kerana pihak berkenaan sebenarnya tidak mendapat maklumat tepat mengenai perkara itu, tetapi cuba untuk mengulas.

Katanya, dalam hal itu, beliau hanya menggunakan tanggungjawabnya supaya adil untuk dipertimbangkan oleh Lembaga Pengampunan sebelum ini.

"Saya jawab begitu, wah dia

kecam... (dakwa) nak tipu. Nak selindung pasal adendum.

"Ini yang saya katakan berlaku kerana kedangkalan ilmu, kerana maklumat tidak disampaikan, kerana budaya kita, kadang-kadang budaya picisan...baca sekerat-sekerat.

"Amalan membaca, mencari kebenaran tidak ada tabayun (mencari hakikat sesuatu maklumat dengan teliti, saksama dan berhati-hati). Tidak ada bicara soal Melayu, bicara soal Islam, akhlak, tidak ada minat untuk mencari kebenaran...jadi ini masalah," katanya.

## Tak wajar dibahaskan

Beliau berucap pada Majlis Perasmian Karnival FlySiswa 2024 di Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC), Universiti Teknologi Mara (UiTM) di sini, semalam.

Isnin lalu, Ahli Parlimen Kota Bharu, Datuk Seri Takiyuddin Hassan mengemukakan usul tergepar kepada Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul bagi membincangkan isu Titah

Adendum terhadap Najib.

Katanya, perbahasan itu penting bagi semua pihak mengetahui sama ada wujud atau tidak Titah Adendum berkenaan.

Pada sidang Dewan Rakyat sebelum itu, Anwar mempertahankan isu itu tidak wajar dibahaskan secara terbuka kerana ia menjadi kes mahkamah yang akan didengar di Mahkamah Rayuan pada Januari ini.

Anwar juga memaklumkan kelmarin bahawa isu Titah Adendum yang didakwa membolehkan Najib menjalani baki hukuman penjara sebagai tahanan di rumah tidak dibangkitkan pada mesyuarat Lembaga Pengampunan pada 8 Disember 2023.

Katanya, perkara itu boleh disahkan kerana beliau sendiri berada dalam mesyuarat terbuka.

Katanya, pada mesyuarat sama beliau sendiri yang mempersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong ke-16 agenda permohonan pengampunan Najib dalam pertimbangan mesyuarat Lembaga Pengampunan ketika itu.